

CNS0636

U GB 25-07 00167 BA076

aab

Mahathir - Tentera

PENGHANTARAN TENTERA UNTUK CART RAKAN JIKA MALAYSTA DISERANG

KUALA LUMPUR, Julai 25 (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penghantaran tentera Malaysia ke negara-negara yang mengalami konflik bukan sahaja didorong oleh dasar perikemanusiaan tetapi juga untuk mencari rakan sekiranya negara ini diserang atau diancam oleh pihak luar.

Perdana Menteri berkata, sekiranya Malaysia, yang kini mengalami pertumbuhan ekonomi pesat, diserang, maka ia memerlukan sokongan serta bantuan ketenteraan negara-negara lain.

Oleh itu, penting bagi Malaysia mencari rakan melalui penghantaran tenteranya khususnya ke negara-negara yang sedang membangun, katanya.

"Apabila kita diserang, kita perlu kawan dan kalau tiada kawan kita akan ditakluki," kata beliau ketika merasmikan Himpunan Pahlawan Bersama Perdana Menteri anjuran Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM) di Stadium Negara di sini, hari ini.

Lebih 15,000 bekas perajurit dan keluarga mereka turut hadir bersama-sama Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan timbalan menteri Datuk Wan Abu Bakar Wan Mohamed. -- Lagi

▼25/07/13-49MST

CNS0646

U GB 25-07 00136 BA077

aab

Mahathir - tentera 2 Kuala Lumpur

Malaysia baru-baru ini menghantar pasukan tenteranya untuk menyertai misi pasukan pendamai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Kemboja dan Somalia. Pasukan tentera negara ini juga akan dihantar ke Bosnia-Herzegovina.

Perdana Menteri berkata Malaysia mempunyai misi untuk bersama-sama menyelamatkan dunia daripada kemusnahan.

"Oleh itu, di masa kita senang, kita perlu membantu negara-negara lain (yang menghadapi konflik), lebih-lebih lagi negara yang mempunyai agama serta status yang sama dengan Malaysia," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan memberi jaminan bahawa anggota tentera yang dihantar ke luar negara akan dilengkapi dengan peralatan perlindungan secukupnya.

"Kita akan ambil kira nasib anggota-anggota kita setiap masa.... Bukan ringan bagi kerajaan untuk memutuskan untuk menghantar mereka ke negara-negara lain kerana mereka (anggota-anggota tentera) juga berkeluarga," katanya. -- Lagi

▼25/07/14-24MST

CNS0651

U GB 25-07 00164 BA078

aab

Mahathir - Tentera 3, Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata kemampuan Malaysia untuk menghantar tenteranya ke negara-negara luar untuk melindungi orang yang teraniaya adalah terhad, tidak seperti kuasa besar seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Perancis.

"Oleh itulah sekarang kita bercita-cita besar iaitu Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia kaya...sebagai satu kuasa besar bukan untuk hidup mewah tetapi untuk dihormati dan disegani oleh negara-negara lain khususnya negara maju," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, beberapa pihak tertentu cuba menggagalkan usaha Malaysia untuk mencapai impiannya menjelang tahun 2020 kerana mereka takut jika ini berlaku maka "mereka tidak akan dapat menghalang kita".

Mengenai penyertaan golongan muda dalam bidang ketenteraan, Dr Mahathir berkata, semangat berkorban untuk negara harus dipupuk di kalangan mereka agar suasana aman dan damai yang dinikmati sekarang akan terpelihara.

Beliau berkata, muda mudi sekarang menikmati segala bentuk kemewahan berikutan pertumbuhan ekonomi yang pesat sehingga mereka lupa tanggungjawab mereka untuk mempertahankan keselamatan negara. -- Lagi

▼25/07/14-47MST

CNS0659

U GB 25-07 00129 BA079

aab

Mahathir - tentera 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, ramai remaja berminat untuk bekerja sama ada dengan sektor awam atau swasta yang menawarkan keadaan bekerja yang selesa.

Katanya, jika mereka terlalu ghairah dengan hidup sekarang sehingga tidak sanggup berkorban untuk negara, maka negara akan hancur.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan akan memberi pertimbangan positif terhadap cadangan persatuan itu agar diwujudkan modal pusingan bagi membantu bekas perajurit yang ingin berkecimpung dalam perniagaan.

Perdana Menteri kemudian melancarkan majalah "Pahlawan", keluaran khas Angkatan Tentera. Sebelum itu, beliau menerima anugerah khas "Wira Terpuji" daripada presiden persatuan Datuk Zainol Abidin Johari.

Dua lagi penerima ialah Najib dan bekas presiden persatuan, Jen (B) Tan Sri Hamid Bidin.-- Bernama

ES MAT